

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **BERTULIS**  
**DARIPADA :** **YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG**  
**NYUK FOH**  
**KAWASAN :** **SANDAKAN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan butiran projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang akan dilaksanakan dalam 35 pakej secara terperinci seperti lokasi pakej masing-masing, bajet yang dijangka diguna pakai, dan kontraktor-kontraktor yang telah dilantik. Berapa syarikat Sabah ditawarkan tender daripada 35 pakej tersebut.

**JAWAPAN:**

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah dilaksanakan secara 3 fasa. Fasa pertama melibatkan laluan Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau. Fasa kedua pula melibatkan jajaran Tamparuli – Ranau; manakala fasa ketiga dari Tawau – Keningau – Kimanis.

Untuk fasa pertama projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang telah dimulakan, ia dibahagikan kepada 35 pakej dengan kos keseluruhan sebanyak RM12.86 bilion. Daripada 35 pakej tersebut,

setakat ini 3 pakej sedang dalam peringkat pembinaan – iaitu seperti butir-butir berikut:

1. Pakej Papar ke Donggongan (11km); Tarikh Mula – 31 Julai 2016; Kontraktor – Aktif Jaya Sdn. Bhd; Kemajuan Semasa – 12%;
2. Tawau ke Semporna (5km); Tarikh Mula – 22 Julai 2016; Kontraktor – Intan Marudu Sdn. Bhd; Kemajuan Semasa – 8%; dan
3. Jalan Pintasan Lahad Datu (7km); Tarikh Mula – 7 Disember 2016; Kontraktor – BHO Sdn. Bhd; Kemajuan Semasa – 1%.

Manakala sebahagian besar lagi pakej LPB Sabah yang lain baru sahaja selesai melalui proses Makmal Pengurusan Nilai di mana ia telah ditender dan telah/sedang/akan mula dilaksanakan secara berperingkat-peringkat selewat-lewatnya hingga akhir tahun ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo Sabah ini dirancang akan disiapkan pada akhir tahun 2021.

Sekian. Terima kasih.